

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG  
[ KOTA SAMARAHAN ]**

**TARIKH : 20 NOVEMBER 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Puan Rubiah binti Haji Wang [ Kota Samarahan ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sejauh manakah kesungguhan Kementerian dalam menangani isu kemiskinan dan sejauh manakah kejayaan program Purple DNA dalam meningkatkan golongan berpendapatan rendah dan berkeperluan khas.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bersungguh-sungguh menyediakan pelbagai program kemahiran untuk membantu membangunkan ekonomi dan menjana pendapatan.

Projek Purple DNA adalah salah satu inisiatif inovasi sosial kementerian bagi membantu meningkatkan tahap ekonomi golongan berkeperluan khas iaitu kepada penghuni institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) serta Pemulihan Dalam Komuniti (PDK). Projek ini menggunakan pendekatan *productive welfare* di mana peserta projek akan diberikan latihan kemahiran, bantuan peralatan, bahan mentah dan pemantauan untuk menjalankan aktiviti keusahawanan yang disediakan oleh pihak Jabatan. Produk yang dihasilkan adalah seperti beg, aksesori buatan tangan, barangan hiasan rumah serta pelbagai produk kraftangan dan jahitan.

Mulai Mei 2013 hingga Oktober 2014, seramai 213 orang peserta telah mendapat manfaat dengan purata peningkatan pendapatan daripada RM150 kepada RM700 setiap peserta projek.